

03 NOV 1997

G15-Rafidah

URUSNIAGA MATA WANG PERLU CARI SATU PUSAT, KATA RAFIDAH

KUALA LUMPUR, 3 Nov (Bernama) -- Malaysia dan negara-negara anggota G15 yang lain tidak akan bersendirian dalam mengambil langkah untuk mengekang spekulasi mata wang tetapi mengemukakan idea kepada badan-badan antarabangsa supaya "mencari satu pusat" bagi urus niaga mata wang.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz hari ini berkata mana-mana sistem untuk membimbing urus niaga mata wang harus merupakan usaha pelbagai hala dan diterima pakai oleh kesemua negara.

"Kita harus mencari tempat untuk menempatkan pusat bagi urus niaga sedemikian. Setakat ini tidak ada pusat...ia merupakan komoditi yang tiada berpusat," katanya kepada pemberita selepas perasmian Sidang Kemuncak G15 di sini.

Rafidah berkata spekulator mata wang antarabangsa George Soros juga nampaknya bersetuju dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa urus niaga tanpa undang-undang dan disiplin yang sewajarnya akan menimbulkan pelbagai masalah.

Beliau berkata Malaysia tidak menentang turun naik dalam nilai mata wang yang disebabkan oleh kuasa pasaran yang normal, tetapi ia menentang pergerakan "wang panas" oleh spekulator yang boleh menyebabkan mata wang mengalami penurunan nilai sebanyak 30 hingga 40 peratus dalam satu tempoh yang singkat.

Rafidah berkata bagi sesuatu sistem dibangunkan untuk urus niaga mata wang ia harus diterima oleh sebahagian besar negara.

"Perlu ada disiplin bagi urus niaga mata wang tetapi kita tidak menyebut apa bentuk disiplin itu. Terpulang kepada pakar-pakar untuk menentukannya," katanya.

Rafidah berkata dengan membawa isu itu ke peringkat pelbagai hala, pakar-pakar kewangan dunia dari Pertubuhan Perdagangan Sedunia, Tabung Kewangan Antarabangsa dan Bank Dunia sebagai contoh boleh bersama-sama mengkaji bentuk disiplin yang sesuai bagi urus niaga mata wang.

Beliau berkata India telah mencadangkan supaya ditubuhkan satu kumpulan terdiri daripada pakar-pakar kewangan di kalangan anggota G15 untuk mengkaji keadaan tersebut dan juga menggesa diadakan satu mesyuarat di kalangan gabenor bank pusat bagi membincangkan perkara itu.

Mengenai tempoh masa yang diperlukan untuk menetapkan sistem bagi urus niaga mata wang itu, Rafidah berkata perlu ada usaha segera bagi menyelesaikan isu itu. -- BERNAMA

NI AKD